

'TAK LAGI SEPERTI DULU'



TUAN Asri (tengah) bergambar bersama peserta program.

■ Asakan medium digital dorong wartawan media cetak berfikir secara lebih kreatif

Syazwan Msar

mohdsyazwan@hmetro.com.my

Serdang

Ledakan digital dan persepsi negatif terhadap surat khabar menyebabkan medium berkenaan semakin dipinggirkan hingga mencatatkan penurunan ketara jualan sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

Malah, orang ramai terutama golongan belia yang lebih gemar dipercayai berita dipaparkan di laman sosial seperti Facebook, Blog dan Twitter juga menjadi antara faktor kemerosotan penjualan surat khabar.

Penulis Khas Kanan Harian Metro, Tuan Mohamad Asri Tuan Hussein berkata, dunia kewar-tawanan masa kini begitu mencabar sekali gus menuntut wartawan lebih berdaya saing dan kreatif supaya surat khabar terus kekal relevan sebagai penerus maklumat kepada masyarakat.

"Era globalisasi ini, dunia

wartawan tidak lagi seperti dulu yang hanya bergantung dengan tugas yang diberikan kepada editor, namun sekarang ini mereka perlu lebih kreatif dan berfikir jauh.

"Wartawan juga perlu serba boleh iaitu berkebolehan melakukan pelbagai pekerjaan dan paling penting adalah mampu bekerja dengan cepat dalam suasana tekanan dalam menyampaikan berita dengan segera," katanya, ketika menyampaikan syarahan berkaitan Cabaran Media Arus Perdana di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi Universiti Putra Malaysia (UPM), semalam.

Tuan Mohamad Asri antara panel jemputan Pelajar Ijazah Sarjana Komunikasi Korporat UPM dalam membentangkan cabaran surat khabar di zaman globalisasi.

Selain itu, beliau juga berkata, surat khabar perlu berani mengubah konsep dalam penyampaian berita dengan menggunakan pelbagai platform untuk terus kekal bersaing dengan dunia digital.